



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	23/3/2011

Dilahirkan sebagai orang Melayu pasti beragama Islam - Dr. Mahathir

Orang Melayu wajar bersyukur

Oleh **FAIZAH IZZANI ZAKARIA**
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 22 Mac - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, orang Melayu wajar bersyukur kerana dilahirkan sebagai seorang Melayu yang sudah pastinya akan menjadikannya seorang Islam.

Menurutnya, jika ada orang Me-

layu yang kecewa kerana dilahirkan sebagai seorang Melayu, maka individu tersebut tidak menghargai nasibnya yang baik kerana dilahirkan sebagai orang Islam.

"Di dunia ini terdapat dua bangsa yang bangsanya ditentukan oleh agama Islamnya. Bangsa-bangsa itu ialah Maldives dan Melayu. Seseorang yang dilahirkan dalam keluarga Melayu tetap Islam kerana

keluarga itu tidak akan berbangsa Melayu jika mereka tidak Islam," katanya di dalam blog <http://chedet.co.cc> bertajuk *Melayu Oh Melayu* hari ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas rasa sedihnya apabila terdapat orang Melayu yang kecewa kerana dilahirkan sebagai bangsa Melayu dan bukannya sebagai seorang Islam sahaja.

Dr. Mahathir berkata, seseorang yang dilahirkan dalam keluarga Melayu juga patut berasa bangga kerana tetap menjadi penganut agama Islam, namun jika seseorang itu dilahirkan di dalam keluarga Arab, Indonesia atau Pakistan, belum tentu mereka beragama Islam.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan, walau apa sekalipun bangsa seseorang itu, ia tidak akan me-

nidakkan keislamannya kecuali perbuatan dan amalan yang bercanggah dengan ajaran agama itu.

"Ini yang harus disoal oleh orang Islam dan bukan menidakkan bangsanya. Mentaati dan bersetia kepada bangsa Melayu, iaitu bangsa yang hanya Melayu jika ia Islam, tidak bermakna menolak agama Islam," katanya.